Sir, as far as Singapore is concerned, let me reiterate once more that Singapore is a captive State in Malaysia, that we have a second class citizenship and a semi-colonial status. It is foolish, therefore, to come to Singapore to make propaganda to ask the people to die for Malaysia. As long as the people of Singapore do not feel that they belong to a free community of people, so long will they have nothing to do with anything that will help preserve Malaysia.

Dato' Donald Stephens (Sabah): Mr Speaker, Sir, I rise to support the motion of the Honourable Member for Port Dickson and, before I proceed, I would like to take upon myself to say, on behalf of His Majesty's people of the State of Sabah, how truly grateful we are for His Majesty's remarks in the Royal Address about Sabah and Sabah's Development Plan.

I am sure that the Government of Malaysia will do everything possible to help Sabah in regard to our Development Plan. As the youngest State in Malaysia, Sabah needs all the help

she can get, and we are encouraged to know that the Government will help us not only in dollars and cents but also in something just as important—"know-how". We have all seen how rural development is shaping here in Malaya, and we are learning from the success which has taken place here. To us, rural development must be the key to a better future for the majority of our people. In colonial times, the people of the rural areas have been sadly neglected and we, the elected representatives of the people, would have failed in our duty if we were to fail to improve the living standards of the people of the kampongs. Everywhere I visited in Sabah, I was asked about the promises which were made before Malaysia—to give the people more and better schools, more and better health facilities, improvement of agricultural methods, more and better roads—and the work and the planning we are now doing is aimed at bringing to the people all these things which they have a right to expect.

Sir, I might also mention that in Sabah stress not only is laid on social development but that we have in mind also the expansion of our economic development. In the colonial days non-British interests were strongly discouraged from taking part in the economic development of the State. But those days are gone. The Sabah State Government now encourages and welcomes those who would help in the economic development of the State. In this respect naturally, the State welcomes Malaysians from other States more than anyone else.

I would like, Mr Speaker, Sir, also to touch on the subject of confrontation, the shadow of which looms large along our border with Indonesia. Sabah and Sarawak have a common border with Indonesia and it is a long border—930 miles long. On the other side we know that the Indonesians are building up their forces which are being used to commit aggression against us. The Indonesians speak of guerillas and volunteers, but we know for a fact—and the world should by now also know—that these men are

not guerillas or volunteers, but that they are men belonging to Soekarno's Army, Navy and Air Force, men sent to Borneo from Java to commit acts of terrorism amongst our peace-loving people.

We see in this morning's newspaper that on the one hand Soekarno is reported to have agreed to the withdrawal of troops from the Malaysian soil and to a summit meeting and on another page we read a report which says that Soekarno has spoken publicly in front of foreign diplomats that he intends to crush Malaysia by the end of this year, summit or no summit. How does one deal with people like him? Be that as it may, Sir, I can say this for the people of Sabah: we the people of Sabah (and I know the people of Sarawak also) are not afraid of the evil confronters of Jakarta; and the people in the Borneo States, like their brothers throughout Malaysia, are prepared for any sacrifice in the fight to preserve their independence and the independence of Malaysia.

Not so long ago, I had the honour of addressing a gathering of Malaysian soldiers from the Peninsula, who had served along our borders. These men have shown the Indonesians that they are real soldiers, who came to Sabah to defend Malaysia, but in so doing also used up what spare time they had in helping the people of the kampongs in building schools, in providing temporary teachers from amongst themselves to help with the teaching. They not only kept the enemy at bay but they also provided the people with amenities which they had wanted for a long time; and they have also proved that they not only could fight the enemy but they also helped in instilling the people of our kampongs with civic pride, and the realisation that Malaysia was not merely a new word but had meaning in its truest sense in that all the peoples of Malaysia, from whatever corner they may come, are one. The men of the Royal Malay Regiment have done much to put Malaysia in concrete form before the people of our distant kampongs in Sabah and I feel I would be failing

in my duty if I did not mention this here and thank them for the magnificent job which they have done, and continue to do, in Sabah. This also puts the lie to the assertion, just made by the Socialist Front Member from Singapore, that the soldiers who are fighting in Singapore are only British soldiers.

Dr Tan Chee Khoon: On a point of order, Mr Speaker. The Chief Minister of Sabah mentioned the Socialist Front, which meant we. There are only two Socialist Front Members here—I did not mention Singapore.

Dato' Donald Stephens: Sorry, Mr Speaker. I meant the Barisan Sosialis. *(Laughter)*.

Dr Tan Chee Khoon: Well, that is better, Mr Speaker.

Dato' Donald Stephens: Mr Speaker, Sir, the Royal Address also mentioned the Philippines. We in Sabah, closest to the Philippines, have naturally been dismayed in the past by the action of some Filipino leaders. But I must say that we are now glad to hear that the Philippines have openly declared that they are not partners of Soekarno in Jakarta's policy of confrontation. We hope that the consular relations which have been started between Malaysia and the Philippines will soon bloom forth into full diplomatic relations between our two countries.

Now, Mr Speaker, Sir, I must refer to the assertions made by the Honourable Member for Batu that Malaysia only came about because the Alliance rode roughshod over the wishes of the Opposition. The Honourable Member used the word "puerile" when referring to the statement of another Honourable Member earlier today. I think that the same word can aptly be used to describe the Honourable Member for Batu's remark about the formation of Malaysia and his so-called five points to solve what he called the Malaysian dispute but which is, in fact, Indonesian aggression. Mr Speaker, Sir, I say this, and I say this with pride: as far as the people of Sabah is concerned, Malaysia was what they wanted; Malaysia

was what they worked for; Malaysia was what they have achieved; and Malaysia is what they will die for, if necessary (*Applause*). What the Member for Batu has asked was not a solution of the Indonesian problem, but what amounts to total surrender to Soekarno. For someone who had taken the oath of loyalty in this Honourable House to propose such a move is, to say the least, surprising.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, may I rise on a point of order?

Mr Speaker: What order?

Dr Tan Chee Khoon: On a point of clarification, Mr Speaker. He has stated that I had advocated in my speech abject surrender to Indonesia, whereas I have stated that we should have peace—peace with honour and peace that safeguards the integrity of our territory. Perhaps the Chief Minister of Sabah did not hear me properly.

Mr Speaker: That is on a point of clarification, not on a point of order.

Dr Tan Chee Khoon: Yes.

Dato' Donald Stephens: Mr Speaker, Sir, what I said was that the so-called five-point proposals put forward by the Member for Batu amounted to total surrender to Soekarno.

The Honourable Member for Batu referred to the Sabah Alliance in derogatory terms. It not only showed his complete ignorance of affairs in Sabah, it showed also that his colleagues in the Socialist Front—former members like Karam Singh and David, and the Honourable Member for Dato Kramat—had failed to tell him that they had visited Sabah once before Malaysia came into being; and once only, and that once was enough, because they found in Sabah that the poison they had intended to implant there was totally rejected by every section of the population. They found that the Sabah soil was no place for their form of subversion and they have not returned since. They know that the Alliance in Sabah is made of pure steel and the acid of their communist propaganda could

not dent it, not even one bit of it, and because of this the Sabah Alliance had been picked as the subject of their puerile attack.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Batu spoke of desperation. A party which had won the sort of victory won by the Alliance in the recent elections certainly has no reason to be desperate, but a party which has since got its already meagre number reduced to two in this Honourable House certainly has good reasons to be desperate, and the voice we heard this morning singing Soekarno praises—the voice of the Honourable Member for Batu—was indeed the voice of a desperate person.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, may I rise on a point of clarification? I did not sing any praise of Soekarno. In fact, I stated that we deplore and condemn the oft-repeated threats of Soekarno to crush this country. I did not sing any praise of Soekarno nor of Indonesia. Perhaps the Chief Minister of Sabah did not hear me quite properly. If he wants, I can give him a copy of my speech.

Dato' Donald Stephens: There are various ways of singing a song, Mr Speaker, Sir, and various ways of interpreting this song. The way I interpreted what the Member for Batu said was that he did indirectly sing songs in praise of Soekarno. As I said, Mr Speaker, Sir, this was a desperate voice, a voice of someone who sees with clear eyes that his Party is on the verge of being totally liquidated, liquidated not by the Honourable Minister of Home Affairs, as he would make it appear, but by the people of Malaysia themselves, who are now wise as to what the Socialist Front aims to do—to sell Malaysia down the drain. That is the first step in their endeavour to help in the creation of a greater Communist Unprosperous Sphere in South-East Asia. Thank you.

Mr Speaker: The sitting is suspended for 15 minutes.

Sitting suspended at 6.00 p.m.

Sitting resumed at 6.20 p.m.

Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak mengambil peluang dalam membahathkan Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini. Saya suka menyentoh di-dalam masalah pilihan raya sa-bagaimana yang terkandung dalam ucapan titah Baginda itu. Satu perkara yang paling menghairankan telah berlaku dalam pilihan raya baharu² ini yang mana ini ada-lah menyebabkan saya merasa sangsi di atas kecekapan Surohanjaya Pilihan Raya yang di-adakan baharu² ini. Satu perkara yang saya menyatakan kehairanan itu, ia-lah dalam kawasan saya dalam pilihan raya baharu² ini orang² yang mempunyai kad pengenalan merah ya'ani yang tidak menjadi kera'ayatan juga telah di-daftarkan dan telah menjadi pengundi pada hari mengundi itu. Saya perchaya ini ia-lah satu perkara yang tidak patut berlaku demikian kerana sa-bagaimana kita tahu orang² yang tidak menjadi kera'ayatan—(tidak mempunyai taraf warga negara) ini sa-patut-nya tidak di-bolehkan mengundi dan tidak mempunyai hak² politik dalam negeri ini. Sudah tentu-lah pehak Kerajaan akan bertanya kenapa-kah tidak di-buat pengaduan? Yang sa-benar-nya, saya telah pun membuat pengaduan pada hari yang tersebut kapada P.O. tetapi pengaduan saya itu telah di-diamkan bagitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya fikir tidak patut berlaku dalam pilihan raya yang saya fikir mengancam demokrasi negeri ini ia-itu-lah pehak Kerajaan Perikatan telah menggunakan alat² negara saperti Jabatan Penerangan, Radio untuk berkempen bagi pehak-nya dalam pilihan raya ini. Dalam kawasan saya boleh di-katakan pegawai² penerangan yang telah di-tugaskan oleh Kerajaan untuk membuat penerangan kapada ra'ayat telah berubah menjadi pegawai² Perikatan yang memberi penerangan dan kempen bagi pehak Perikatan dan pernah berterang² menyeru orang ramai supaya mengundi kapada pehak Perikatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah mengeluarkan tuduhan yang bukan² kapada pehak PAS yang saya perchaya tuduhan ini ada-lah tidak berasas dan tidak mempunyai bukti sadikit pun umpama-nya tuduhan² azimat. Saya perchaya tuduhan ini di-buat oleh orang Perikatan yang telah kehabisan modal dalam pilihan raya baharu ini, entah di-mana dia berjumpa azimat chaching barangkali, entah ada orang², kebanyakan orang Melayu di-kampong² perchaya kapada azimat untok di-gantungkan di-tengkok—(di-leher) anak² yang berpenyakit chaching barangkali, maka itu di-katakan-lah azimat sabil yang telah di-keluarkan oleh pehak PAS. Yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, kami pehak PAS tidak-lah berniat dan tidak akan melakukan pekerjaan² yang sa-umpama ini. Dengan tidak mempunyai azimat pun kita pehak PAS telah berjaya—telah mendapat kemenangan dalam pilihan raya dalam tahun 1959 dahulu di-Kelantan. Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak juga telah mengatakan yang orang PAS ini telah banyak melakukan dosa dan PAS akan di-tanya oleh Tuhan lebeh dahulu dalam kubor nanti. Entah-lah saya tidak tahu barangkali Ahli Yang Berhormat itu amat bijak bersabit dengan kubor dan sa-patut-nya dia di-lantek menjadi Menteri kubor.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentoh di-dalam hujongan Uchapan Titah Baginda ia-itu berhubong dengan Ranchangan Melawat Sambil Belajar. Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan Melawat Sambil Belajar ini lebeh banyak merupakan lawatan makan angin bagi orang² Perikatan. Kerana boleh di-katakan 95 peratus daripada orang yang di-pilih untok mengadakan Lawatan Sambil Belajar itu terdiri daripada orang² Perikatan. Saya menyatakan umpama-nya dalam lawatan gerakan sharikat kerjasama, sa-patut-nya orang² yang ahli dalam sharikat kerjasama atau yang mengambil bahagian dalam sharikat kerjasama-lah di-beri peluang dalam lawatan ini. Tetapi apa yang telah berlaku, dalam lawatan bagi ahli² sharikat kerjasama yang terpilih untok

mengadakan lawatan itu ia-lah Setia-Usaha atau pun Ketua Pemuda UMNO atau pun Ketua UMNO. Dalam lawatan untuk ahli² kesatuan sekerja pun yang terpilih untuk pergi dalam lawatan ini ia-lah Setia-usaha atau Ketua Pemuda UMNO atau Ketua UMNO juga.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana ucapan Yang Berhormat dari Temerloh menyesali bahawa dalam titah Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak menyebutkan sedikit pun masalah agama Islam sa-bagai agama rasmi dalam negeri ini. Saya juga pehak PAS sangat menyesali di-atas hal ini dan saya suka menyentoh sedikit dalam masalah pelajaran yang berhubung dengan guru² agama di-sekolah² menengah. Tuan Yang di-Pertua, pelajaran agama dalam sekolah² menengah boleh-lah di-katakan amat-lah tidak terator-nya dari segi sukatan pelajaran, juga dari segi guru²-nya yang mana guru² agama di-dalam sekolah² menengah telah tidak di-beri layanan yang sa-wajar-nya sa-bagai sa-orang guru. Kita pernah mendengar rayuan² dari pehak guru² agama melalui akhbar² yang mengatakan mereka ini telah di-beri gaji yang sama dengan peon atau pun office boy yang saya fikir sangat-lah tidak patut. Bagaimana-kah sa-orang yang bertaraf guru untuk mendidek keturunan kita di-masa yang akan datang dengan baik-nya sedangkan mereka itu telah di-beri layanan sa-bagitu burok yang mana sa-tengah² daripada-nya telah di-beri gaji sa-banyak hanya-lah \$90 sa-bulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pehak Kementerian Pelajaran memandang berat akan perkara ini dan saya berharap supaya perkara ini manakala di-sampaikan kepada pehak yang berkenaan tidak-lah di-tanggoh²-kan lagi dengan menubuhkan Jawatan-kuasa itu dan Jawatan-kuasa ini bagaimana yang telah berlaku dalam masa² yang lepas. Tuan Yang di-Pertua, untuk merengskakan masa dalam Rumah yang mulia ini saya suka menyentoh sedikit lagi pertama dalam hujongan titah ucapan Baginda ia-itu-lah masalah pelajaran dewasa. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak

mengatakan bahawa rancangan itu satu rancangan yang membazir, sa-benar-nya tidak-lah rancangan itu kesemua-nya membazir bagaimana kata Yang Berhormat dari Hilir Perak bahawa PAS semua-nya menganggap rancangan luar bandar itu membazir. Sa-benar-nya tidak semua, tetapi ada sa-tengah²-nya di-fikirkan membazir, tetapi tidak-lah membazir 100%, ada faedah-nya, tetapi sedikit sangat. Yang sa-patut-nya rancangan ini di-ubah kepada rancangan lain yang lebeh banyak memberi faedah, umpama-nya pelajaran dewasa, apa yang berlaku terutama sa-kali di-Kelantan kelas² dewasa di-adakan bukan-lah bertujuan untuk mengajar bersungguh² supaya orang² ramai dapat menulis dan membacha, tetapi lebeh banyak merupakan kelas² untuk mengajar perkara politik Perikatan.

Dan sa-lain daripada itu saya fikir kelas² itu ada-lah paling banyak sa-kali menipu wang Kerajaan, kerana dalam tiap² kelas guru²-nya itu mereport kata-nya ada 20 orang atau 25 orang, yang sa-benar-nya kelas itu sa-tengah²-nya ada dua atau tiga orang murid dan ada sa-tengah-nya tidak mempunyai murid langsung, saya dapat membuktikan hal ini, boleh di-katakan orang² di-Kelantan sekarang ini meng-ubah nama kelas dewasa itu dengan kelas duasa kata-nya, kerana kebanyakan kelas² itu ada dua orang dan sa-orang pun ada dan sa-tengah kelas itu tidak ada murid langsung dan guru² yang mengajar itu hanya-lah dapat elaun pasang lampu sahaja \$4 satu jam. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini ada-lah satu perkara yang tidak bagus dan tidak baik, maka kalau-lah rancangan ini hendak di-lanjutkan juga saya berharap supaya pehak Kementerian yang bertanggung-jawab supaya menyiasat betul² hal ini dan menyusun kelas² itu biar-lah menjadi kelas dewasa yang benar² mengajar dan benar² murid-nya ada untuk di-ajar menulis dan membacha supaya tidak-lah wang negara membazir bagitu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentoh masalah kesihatan. Tadi, ada Yang Berhormat memperkatakan masalah kekurangan doctor. Masalah ini ada-lah sangat

di-rasai terutama sa-kali bagi kami penduduk² di-Kelantan. Umpama-nya kawasan yang saya wakili yang mempunyai lebeh kurang 45 ribu penduduk tidak mempunyai sa-orang doctor pun. Dan ini ada-lah satu perkara yang sangat² menyusahkan ra'ayat dan baharu² ini dalam dua minggu yang lalu satu kejadian cholera telah berlaku dalam kawasan saya yang menyebabkan beratus² orang telah menghidapi penyakit itu dan dua orang telah mati. Manakala perkara itu di-beritahu kepada pehak pegawai kesihatan maka pehak pegawai kesihatan hanya pergi sahaja di-situ tidak membuat penyiasatan kerana dia bukan-lah sa-orang doktor, tetapi hanya sa-orang Hospital Assistant sahaja. Jadi, terbiar-lah masaalah itu hingga-lah penyakit itu bermahrajalela terutama sa-kali di-kampung² kawasan saya yang bersempadan dengan Thailand.

Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian berat dalam masaalah ini dan jangan-lah pehak Kementerian ini memikirkan orang² di-negara PAS tidak di-serangi oleh penyakit, sa-benar-nya penyakit itu akan menyerang manusia ini di-mana sahaja mereka berada. Sakian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, dalam membahathkan titah ucapan di-Raja saya wakil Melaka Selatan suka-lah mengambil kesempatan berucap dalam Dewan yang bertuah ini. Tuan Yang di-Pertua, baharu sa-bentar tadi kita telah mendengar wakil PAS berucap berhubong dengan pilehan raya. Tuan Yang di-Pertua, pilehan raya telah berlalu. Wakil PAS telah menapikan azimat yang telah di-sebarkan dalam akhbar itu bukan datang-nya daripada PAS. Tetapi di-negeri Melaka bukan sahaja azimat yang di-laungkan oleh PAS, sa-hingga PAS menyuarakan kalau tidak mengundi PAS tidak masok shorga, kalau undi PAS masok shorga. Tuan Yang di-Pertua, telatah PAS semua makhlok tahu. Jadi, tidak usah-lah PAS hendak berlindong² kerana kekalahan PAS yang telah terbukti walau pun negeri Kelantan

PAS menang. Tetapi Perikatan telah dapat kejayaan juga. Tuan Yang di-Pertua, pada hari sa-malam wakil PAS juga telah memainkan tarian, tarian yang lama dan gendang yang lama, walau pun saya baharu menjadi Ahli Dewan ini, tetapi saya mengikuti 5 tahun yang sudah atas telatah² PAS, apa yang di-katakan oleh wakil PAS memberi kata² kepada Perikatan menunjokkan kepada parti Perikatan, menyuroh supaya menchari jalan damai menchari jalan baik berhubong dengan konfrantasi Indonesia. Tetapi saya suka hendak bertanya kepada PAS, tolong beri jalan bagaimana chara damai chara yang baik untok kita hendak berdamai dengan Indonesia? Perkara ini memang pernah di-laungkan oleh PAS sa-tiap masa, pada pendapat saya apa yang di-ucapkan-nya oleh wakil PAS 5 tahun yang lalu sa-rupa dengan rupa ucapan-nya pada hari sa-malam dan hari ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, wakil PAS pada hari sa-malam telah berucap, sanggup menudoh Kerajaan Perikatan yang memerintah Malaysia ini akan menjadikan negeri ini negeri Cowboy. Tuan Yang di-Pertua, rasa saya pemerentahan PAS di-Kelantan-lah yang akan menjadi negeri Cowboy, kerana selalu berlaku perkara katok, perkara takut. Ini kerja Cowboy.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka beraleh kepada ucapan yang di-laungkan oleh wakil P.P.P. Wakil ini juga berucap apa yang di-laungkan-nya pada tahun² yang sudah. Pada kali ini itu juga ucapan-nya. Uchapan-nya sa-mata² hendak memechah-belahkan ra'ayat negeri ini, membawa kepada semangat perkauman di-dalam negeri ini dengan menyebutkan berulang² kali hak istimewa orang² Melayu. Berulang² kali menyebutkan hendak memperjuangkan berbagai² bahasa dalam Malaysia ini. Malangnya wakil P.P.P. tidak ada dalam Majlis ini. Kalau dia sedar ra'ayat telah mengutok dia, kekalahan P.P.P. juga telah terbukti apa yang di-laungkan-nya itu tidak di-perchayai oleh ra'ayat lagi. Dia hanya bergantung mendapat kerusi, kerana undi daripada orang² Tionghua, sebab itu-lah

dia berchakap hendak memperjuangkan berbilang bahasa.

Tuan Yang di-Pertua, hak istimewa orang² Melayu selalu di-sebut²kan dalam Dewan yang bertuah ini. Wakil P.P.P. telah menyebutkan konon-nya, dia beri satu chontoh berhubung dengan licence taxi ia-itu 47 peratus telah di-beri kepada orang² Melayu, dan 53 peratus di-beri kepada orang² yang bukan Melayu. Ini sahaja wakil dari Ipoh itu nampak, tetapi saya suka mengalehkan pandangan pada Dewan ini, kalau sangat² hati orang² Melayu di-sakitkan, bagi pehak orang² Melayu juga boleh memberikan pandangan yang sa-rupa dengan wakil itu. Mari kita pandang di-Jabatan Keretapi, berapa orang² Melayu ada? Mari kita pandang di-Jabatan Pos, berapa orang² Melayu ada? Tolong-lah wakil P.P.P. itu jawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bimbang ucapan yang di-laungkan oleh wakil P.P.P. ini. Saya nampak lagu lama-nya itu akan hapus dalam tahun 1969 harus dia juga tidak dapat dudok dalam Parlimen ini, ra'ayat sahaja yang akan menentukan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ucapan lain² parti, rasa saya untok menghormati masa, kita sama² telah mendengar serang balas berlaku di-antara satu parti dengan satu parti yang lain pada petang ini. Jadi, saya mengambil kesempatan dalam Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan pembangunan negara, ia-itu ada terchatit dalam Titah Uchapan berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menapikan ia-itu ada-lah gerakan sharikat kerjasama ini ia-lah satu daripada-nya hendak meninggalkan taraf hidup ra'ayat di-dalam Malaysia ini. Jadi, kalau kita semak dalam Titah Uchapan itu, banyak sharikat² kerjasama telah di-tubuhkan di-tanah ayer kita, tetapi saya suka memberi pandangan pada pehak yang berkenaan, bagitu banyak sharikat² kerjasama di-tubuhkan, maka yang menjadi kesusahan pada pegawai² yang

menjalankan tadbir sharikat² kerjasama itu ia-lah perkara hendak memereksa buku² sharikat. Ini di-harap dapat di-tambah Pegawai² Odit, umpama-nya di-bahagian selatan ia-itu Melaka dan Johor chuma ada dua orang sahaja Pegawai Odit, pada hal beratus² buah sharikat ada dalam kawasan² itu. Ini satu daripada-nya yang menyebabkan kelemahan perjalanan sharikat kerjasama.

Berhubung dengan sharikat kerjasama, saya suka menarek perhatian pada pehak yang berkenaan, saya merayu supaya sa-buah Badan Lembaga Pemasaran patut di-tubuhkan dengan sa-berapa segera, kerana dalam negeri² yang telah maju, Lembaga Pemasaran ini telah di-tubuhkan bagi mengawal barang² umpama-nya padi dapat di-jual oleh petani² dengan harga yang baik dan tidak meng-untungkan orang² tengah. Tuan Yang di-Pertua, terlanjur saya berchakap dalam hal sharikat kerjasama ini, walau pun bagi pehak Kerajaan telah menguntokkan banyak wang bagi memajukan sharikat kerjasama, tetapi banyak orang tidak tahu ia-itu dalam tanah ayer kita ini telah di-tubuhkan sa-buah bank, Bank Agong Sharikat Kerjasama (Apex Bank) yang di-dokong oleh ahli²-nya daripada sharikat² kerjasama di-seluruh tanah ayer kita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Bank Agong Sharikat Kerjasama ini, saya sa-bagai salah sa-orang daripada Ahli Jema'ah Pengarah merayu kepada pehak yang berkenaan supaya dapat mengambil perhatian yang berat untok memberi sokongan kepada Bank Agong Sharikat Kerjasama ini bagi dapat melancarkan pertolongan kepada kaum² tani yang ada bersipah, berselirak di-tanah ayer kita. Umpama-nya, bagi pehak Kerajaan ada menguntokkan wang lebeh kurang \$5½ juta kerana hendak menghapuskan padi kuncha. Jadi, wang ini tidak dapat Bank Agong menjalankan dengan baik kerana tidak di-beri kuasa dengan penoh hanya dapat dengan chara beransor². Saya harap bagi pehak yang berkenaan akan dapat memberi keperchayaan kepada Bank Agong dengan mempertarohkan wang itu

menjadi modal kepada Bank Agong bagi memberi pertolongan kepada seluruh sharikat² kerjasama dalam tanah ayer kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya beroleh pula kepada Kementerian Pelajaran. Berhubung dengan Bulan Bahasa Kebangsaan kita sedia ma'alum Kerajaan telah menguntokkan wang yang begitu banyak, \$378,000 kerana Bulan Bahasa Kebangsaan. Jadi saya berpendapat wang ini kira-nya di-belanjakan kerana untuk peraduan, sharahan, membacha dan lain² sahaja tidak akan memberi kesan pada Bulan Bahasa Kebangsaan. Jadi, di-harap bagi pehak Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dapat mengambil perhatian yang berat supaya menguntokkan sa-bahagian daripada wang itu mengikut sempena Bulan Bahasa Kebangsaan dengan menentukan satu² pejabat, kata-lah, Pejabat Pelajaran hendak-lah di-tukar semuanya sa-kali mesti-lah dengan menggunakan surat-menyurat dalam bahasa Melayu. Jadi, kalau dahulu ada pejabat menjawab hendak menghabiskan surat yang di-chap lama, ia-itu bahasa Inggeris, kalau di-tukar sama sa-kali pada satu² pejabat tentu-lah tidak ada jawapan itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kesihatan, saya juga berchakap mewakili penduduk di-kawasan saya di-Melaka Selatan yang hampir saramai 50,000 orang di-Jasin tidak ada sa-orang pun doktor saperti yang di-laungkan oleh wakil PAS. Ini saya berharap mendapat perhatian daripada pehak Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Kita tidak boleh menafikan tugas² yang di-jalankan oleh Jabatan Penerangan. Berhubung dengan penerangan ini lebeh mustahak lagi kerana dalam masa kita menghadapi konferantasi Indonesia ini. Ra'ayat di-luar bandar hendak-lah di-beri penerangan yang jelas supaya kekeliruan tidak berlaku. Ejen² Indonesia tidak dapat mengelirukan fikiran ra'ayat hanya dapat kita salorkan dengan melalui siaran daripada badan penerangan ini. Dari itu bagi pehak Kementerian ini saya merayu-lah pada membanyakkan

lori² penerangan supaya dapat tiap² kampung menerima penerangan ini, umpama-nya sa-bulan sa-kali, tetapi dalam kawasan saya kadang² sa-sabua kampung itu sampai 4-5 bulan baharu dapat badan penerangan ini datang. Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya tambahan yang saya rayukan ini tentu-lah berkehendakkan beberapa pegawai lagi. Ini tentu-lah ada dalam ma'aluman Kementerian Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beroleh kepada Rancangan Perumahan. Rancangan Perumahan juga bagi pehak kawasan saya di-Melaka Selatan merayu pada Kementerian yang berkenaan, kerana umpama-nya dalam pekan Jasin ada sa-buah kedai di-dudoki sampai 10 kelamin. Jadi penduduk yang sesak bagini harap mendapat perhatian daripada Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi peluang kepada orang lain, sa-kian-lah sahaja ucapan saya. Terima kaseh.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya wakil dari Kuala Trengganu Selatan suka menyertai dan menyokong usul yang di-majukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson. Dari Titah di-Raja kita patut-lah berasa bershukor kerana walau pun negeri ini pada masa sekarang sedang menghadapi konferantasi dari Indonesia dan negeri kita berada di-dalam keadaan tidak sa-bagitu menyenangkan namum pehak Kerajaan tetap berazam akan memberi keutamaan kepada rancangan pembangunan ekonomi dan juga keutamaan meninggikan taraf pelajaran di-dalam negeri ini.

Sa-bagai sa-orang wakil yang menyebelahi Kerajaan saya sungguh rasa bangga dan rasa bershukor kerana Kerajaan Perikatan telah membuat banyak jasa kepada ra'ayat jelata di-dalam negeri ini seluroh-nya dan telah menchapai sa-bagitu banyak kejayaan di-dalam masa yang singkat bagi faedah penduduk² di-dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ada mengkecham Kerajaan berkenaan dengan rancangan luar bandar yang di-jalankan oleh Kerajaan pada masa

ini. Saya tidak begitu faham chachian² yang di-limparkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Kita semua sedia ma'alum dan sedar bahawa walau pun telah banyak usaha² tenaga yang telah di-jalankan oleh Kerajaan tetapi perbezaan di-antara orang² yang berada dengan orang yang tidak berada itu maseh berjauhan lagi. Apa yang saya ma'ana, Tuan Yang di-Pertua, perbezaan kehidupan—taraf hidup di-antara orang² miskin dengan orang² kaya di-dalam negeri ini maseh jauh lagi. Jadi patut-lah menjadi kesukaran kapada kita semua kapada pehak Kerajaan yang sentiasa berazam untok menghapuskan kemiskinan dan penderitaan di-dalam negeri ini. Kita juga ada dengar perchakapan yang di-keluarkan oleh Perdana Menteri Singapura berkenaan dengan angin perubahan—winds of change. Patut-lah Perdana Menteri Singapura sedar ia-itu winds of change atau angin perubahan ini kalau sesuai dengan Singapura di-mana kita dapati lebeh kurang satu million sa-tengah penduduk tidak samesti sesuai dengan keadaan dan kehendak di-negeri Malaysia saperti Malaya, Borneo dan Sarawak. Saya bimbang kalau banyak sangat di-pusing²kan oleh Perdana Menteri Singapura dengan angin perubahan ini, bukan akan menjadi satu perkara yang membena bahkan akan menjadi perkara yang merbahaya—perkara yang akan meruntuhkan perpaduan yang ada di-antara segala kaum yang menjadi penduduk di-Malaysia ini. Saya juga bimbang akibah daripada permainan dan perchakapan saperti ini yang di-keluarkan oleh orang² di-Singapura akan membawa kita semua kaum² yang ada di-Malaysia ini kapada keadaan jahanam. Saya rasa Titah Uchapan Ka-bawah Duli berkenaan dengan azam dan keutamaan yang hendak di-beri oleh Kerajaan kapada ranchangan pembangunan ekonomi ada-lah sangat tepat sa-kali dan sesuai sa-kali dengan kehendak masa dan suasana di-negeri ini pada masa sekarang.

Saperti saya katakan tadi, walau pun telah banyak di-buat oleh Kerajaan di-merata² tempat tetapi maseh ada

lagi kita dapati penderitaan, penderitaan kita boleh lihat di-sini di-situ di-negeri Malaysia ini. Khas-nya di-negeri Trengganu daripada mana saya datang kita maseh lagi dapat lihat penderitaan. Sa-masa penjajahan dahulu kemajuan di-negeri itu telah ketinggalan; boleh di-katakan di-dalam segala lapangan baik di-dalam lapangan pelajaran mahu pun lapangan kesihatan dan juga lapangan ekonomi. Maka ada-lah harapan saya Kerajaan akan memberi perhatian yang istimewa kapada kemajuan² dan pembangunan ekonomi di-sabelah Pantai Timor ia-itu di-negeri Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam sa-sabua negeri itu kalau kita berkehendakkan dan kalau kita chuba hendak menchipta satu bangsa yang sehat, satu masharakat yang bersatu padu, mesti-lah taraf ekonomi penduduk² negeri itu sebakel-nya saimbang di-antara satu sama lain. Kalau perbezaan terlampau banyak di-antara yang miskin dengan yang kaya, saya bimbang kita tidak boleh dapat menubuhkan atau menchipta satu bangsa atau masharakat yang sehat dan boleh menjadi aman damai. Daripada jurusan ini saya tidak faham pengkritek² Kerajaan di-atas ranchangan² luar bandar dan ranchangan² kemajuan yang lain. Saya tidak gunalah berchakap panjang berkenaan dengan gerakan² ranchangan luar bandar ini oleh kerana saudara saya Ahli Yang Berhormat daripada Pontian Selatan telah berchakap panjang berkenaan dengan perkara ini.

Berbalek kapada pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, memang-lah Kerajaan telah banyak berusaha dan membuat kerja di-dalam bahagian pelajaran ini dan telah mengeluarkan wang yang banyak tetapi sekarang maseh lagi kita dapati penduduk² di-negeri ini tidak berpeluang mendapat pelajaran yang benar sempurna, sama ada di-sebabkan oleh kemiskinan atau pun kekurangan wang. Saya ketahu² di-ulu² di-Trengganu mithal-nya, ada kita dapati antara anak² kita tidak mampu hendak pergi ka-sekolah. Jadi di-sini saya minta-lah pehak Kementerian Pelajaran mengambil perhatian

ulangan supaya dapat menyiasat lebih lanjut berkenaan dengan persekolahan anak orang di-ulu² di-negeri Trengganu ini. Berkaitan dengan pelajaran tinggi pula, sekarang saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, daripada lawatan² saya ka-negeri² luar khasnya di-negeri² Eropah. Perbezaan antara orang² yang ada dan orang² yang tidak berada terlalu jauh mengambil pelajaran tinggi. Kita dapati hanya bilangan yang sangat kecil daripada orang² yang tidak berada mengambil pelajaran tinggi. Jadi ini pun menjadi kebingungan saya. Kalau-lah hanya kebanyakan orang² bandar sahaja mengambil pelajaran tinggi walhal orang² di-luar kawasan bandar hanya segolongan yang kecil sahaja mengambil peluang pelajaran tinggi, kedudukan seperti ini boleh jadi akan membawa suasana yang tidak sebegini di-ingini.

Jua kedudukan yang seperti ini boleh mengeluarkan banyak perasaan yang tidak puas hati di-antara penduduk² negeri Malaysia ini. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ada berchakap panjang berkenaan dengan pilihan raya dan berkenaan dengan rasuah atau corruption. Saya bukan-lah hendak menjawab perchakapan Ahli Yang Berhormat itu, bahkan hanya sa-kadar hendak memberi pandangan atau membuat kenyataan. Berkenaan dengan pilihan raya, Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang telah sudah, kalau Yang Berhormat dari Ipoh itu betul² baca undang² kesalahan pilihan raya tidak dapat tidak beliau itu akan dapati banyak perkara yang beliau boleh buat dan yang beliau boleh bertindak terhadap kerani² pilihan raya itu kalau tidak menjalankan kerja²-nya dengan baik dan sempurna. Begitu jua terhadap pegawai² yang menjadi Presiding Officer yang tidak menjalankan kerja dengan baik atau betul, dan seterusnya kepada Returning Officer. Kalau ada kesilapan atau kesalahan yang besar, perkara itu boleh di-bawa sa-hingga ka-Mahkamah Tinggi dan terpulung-lah kepada Mahkamah Tinggi membuat keputusan siapa yang betul dan siapa yang bersalah. Berkaitan dengan corruption atau rasuah

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah menchachi Kerajaan dan polis berkait dengan perkara itu. Nampak-nya Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan tiap² perkara yang berkait dengan corruption mesti di-bawa ka-Mahkamah oleh pehak polis atau oleh pehak Kerajaan. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, sama ada polis patut meneruskan dengan penyiasatan di-dalam satu² perkara yang di-adakan atau pun sama ada patut di-bawa ka-Mahkamah, itu ada-lah terpulung kepada pehak polis. Mithal-nya satu² perkara itu tidak ada keterangan yang banyak, tidak dapat keterangan yang jelas atau terang, tidak mustahak dan tidak patut pehak Kerajaan atau pehak polis membawa case itu ka-Mahkamah. Jua tidak patut mereka membuang masa dan tenaga membuat penyiasatan lanjut. Jadi, saya berharap-lah kepada Yang Berhormat dari Ipoh itu sa-belum membuat chachian terhadap sesuatu perkara sila-lah memberi pertimbangan yang sa-wajar-nya dan berpatutan; jangan hanya pandai membuat kechaman. Sekarang walau pun sudah banyak usaha di-jalankan oleh Kerajaan kaarah mengurangkan penganggoran atau unempoyment, tetapi harapan saya dengan ada-nya ranchangan pembangunan ekonomi yang sempurna makin berkurang lagi-lah penganggoran dalam negeri Malaysia ini. Saya dapati di-Trengganu juga ada lagi orang² yang maseh tidak dapat pekerjaan. Tetapi saya berharap dengan ada-nya keazaman daripada pehak Kerajaan untuk terus meneruskan menghapuskan kemiskinan dan meninggikan taraf hidup penduduk² di-dalam negeri ini penganggoran akan lenyap dengan chepat-nya dari satu masa ka-satu masa.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentoh sedikit berkenaan dengan kedudukan scheme of service pegawai² yang ada di-dalam Judicial and Legal Service. Kalau-lah ada peluang-nya, kalau-lah ada ke-lapangan saya rasa elok-lah juga pehak Kerajaan mengkaji sa-mula scheme of service bagi pegawai² kita yang ada dalam Judicial and Legal Service ini kerana saya sendiri pada suatu masa

dahulu berada dalam Judicial and Legal Service dan sekarang saya melahirkan perasaan ini sa-bagai dari sa-orang yang telah mengalami jawatan itu. Sangat-lah mustahak tiap² sa-orang pegawai yang ada di-dalam Judicial and Legal Service itu menjaga kehormatan-nya, dan maruah-nya, kerana sebab itu scheme of service atau pun pendapatan gaji mereka elok-lah kalau boleh di-kaji samula. Bukan-lah berma'ana sekarang juga Kerajaan mesti bertindak, fasal kita pun tahu Kerajaan sekarang sedang menghadapi konfrantasi. Kerajaan sedang ada di-dalam kesukaran. Saya katakan kalau ada kelapangan dan kalau ada peluang elok-lah di-kaji sa-mula. Itu-lah sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya rengkaskan ucapan saya.

Enche' Othman bin Wok (Singapore): Tuan Yang di-Pertua, sa-telah selesai-nya pembukaan rasmi yang telah di-lakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Thalatha yang lalu, saya pada mula-nya telah menganggap bahawa Dewan yang mulia ini akan mula menjalankan tugas-nya untuk membinchangkan perkara², atau masaalah² yang akan kita hadapi bersama dalam masa lima tahun yang akan datang, tetapi sedeh-nya saya menyatakan di-sini, apa yang telah di-pertutorkan sejak Dewan ini bersidang, bukan-lah perkara² baharu yang harus di-binchangkan dengan chergas dan lanchar, tetapi sa-balek-nya ia-lah perkara² yang telah di-sebutkan berkali² dalam Dewan ini sejak pilihan raya tahun 1959 yang lalu.

Ada-lah menjadi tujuan saya hendak menyentoh banyak perkara yang telah di-sebutkan dalam Titah Uchapan Seri Paduka Baginda, tetapi, Tuan Yang di-Pertua telah pun mengarahkan kami supaya jangan mengambil banyak masa Dewan ini agar Ahli² yang lain berpeluang sama untuk memberi ucapan masing² dan oleh yang demikian biar-lah saya hanya menumpukan masa yang di-beri kapada saya kapada beberapa perkara yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa mengambil sedikit masa Dewan ini untuk menjawab beberapa tuduhan yang telah di-suarakan oleh beberapa orang Ahli yang ada di-hadapan saya sa-malam dan hari ini. Saya rasa adalah menjadi kewajipan saya untuk menjelaskan, atau menjawab tuduhan² itu supaya jangan semua Ahli² yang ada dalam Dewan yang mulia ini kekeliruan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-malam Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak dalam ucapan-nya telah menudoh konon-nya Parti Tindakan Ra'ayat ialah sa-buah parti dictator yang memerintah sa-olah²-nya dengan menggunakan kuasa kuku besi. Kapada Ahli Yang Berhormat itu, konon-nya Kerajaan Petir di-Singapura telah menudai, atau telah mengeneipikan, atau tidak mengamalkan sama sa-kali pemerentahan sa-chara democracy. Untuk pengetahuan-nya, biar-lah saya tegaskan di-dalam Dewan ini bahawa telah menjadi kenyataan yang tidak dapat di-napikan kemenangan Parti Petir di-dalam dua pilihan raya umum yang telah di-adakan di-Singapura ia-lah kerana dasar Petir yang democratic, social dan bukan komunis. Kerana ra'ayat Singapura yang terdiri dari berbilang bangsa, hatta orang² Melayu sendiri yang menerima dan mengaku² dasar ini, maka itu-lah sebab-nya Petir telah di-pilih menerusi pilihan raya sa-orang satu undi untuk memegang teraju pemerentahan sa-hingga tahun 1968.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Hilir Perak telah juga menyebutkan soal yang sudah pun selesai, yang tidak harus di-kemukakan lagi di-dalam Dewan ini. Beliau telah membangkitkan soal ucapan pilihan raya Perdana Menteri Singapura yang konon-nya telah mensifatkan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri sa-bagai sa-orang pemimpin yang tidak ber-calibre. Perkara ini sa-benar-nya sudah pun selesai dalam masa kempen pilihan raya yang baharu lalu maseh berjalan lagi. Perdana Menteri Singapura telah pun menemui Tunku Perdana Menteri dan menjelaskan

keadaan yang sa-benar-nya. Lebih dari itu, Perdana Menteri Singapura telah meminta supaya rakaman ucapan beliau yang telah di-rakamkan oleh polis dalam perjumpaan ramai pilihan raya di-Seremban itu di-mainkan sa-mula dan di-semak.

Kita semua tahu apa yang sa-benar-nya telah berlaku ia-lah timbul dari salah faham sa-tengah pemimpin² MCA yang sendiri tidak faham bahasa China. Saya rasa tujuan Ahli Yang Berhormat sengaja menimbulkan samula soal yang sudah luput ini ia-lah sa-mata² untuk menaikkan sentiment sa-golongan yang tertentu di-kalangan orang² Melayu kita supaya benchikan Petir dan menganggap Petir sa-bagai sa-buah parti yang anti-Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan yang sa-umpama ini ada-lah sangat merbahaya sa-kali di-dalam negeri ini yang mengandongi penduduk² dari berbagai² kaum dan ugama.

Sekarang biar-lah saya beroleh pula pada ucapan yang telah di-lafadzkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan. Saperti yang telah dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak, beliau telah menggunakan tactic yang sa-rupa. Beliau telah menimbulkan soal² lapok yang telah di-sebutkan berkali² dalam kempen pilihan raya yang lalu, saperti orang² Melayu di-Singapura di-tekan, taraf orang² Melayu di-rendah²kan, hak istimewa orang² Melayu di-abai²kan dan lain²-nya.

Keadaan orang² Melayu di-Singapura—ini saya tidak membandingkan di-antara orang² yang bukan Melayu dengan orang² Melayu—saya chuma membandingkan sa-belum Petir berkuasa dan sa-sudah Petir berkuasa. Keadaan orang² Melayu di-Singapura sejak lima tahun yang lalu ada-lah lebeh baik dan lebeh maju daripada sa-belum pilihan raya di-Singapura pada tahun 1959. Kerana mereka mendapat layanan yang istimewa,

maka itu-lah dalam pilihan raya yang telah di-adakan di-Singapura pada bulan September yang lalu, mereka telah memberi mandate sa-kali lagi kepada Kerajaan Petir untuk memereintah Singapura sa-lama lima tahun lagi. Kita dapat mengikuti bagaimana chepat-nya perubahan² yang telah mereka tunjukkan daripada sikap anti-Petir dalam tahun 1959 kepada sikap pro-Petir dalam pilihan raya yang lalu. Kita tidak memaksa mereka, kita tidak menakut²kan mereka. Mereka mengubah sikap dengan kerilaan mereka sendiri sa-sudah menyaksikan serta mendapat nekmata daripada ranchangan² yang telah di-lancharkan oleh Kerajaan Petir untuk mewujudkan satu masyarakat yang lebeh 'adil dan lebeh ma'amor. Mereka mengubah sikap sa-telah merasa angin perubahan yang telah bertiup di-Singapura sejak tahun 1959.

Baharu sa-bentar tadi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari sa-belah sana telah menyatakan mungkin angin perubahan di-Singapura itu tidak di-terima oleh ra'ayat di-Malaya. Tetapi saya berasa besar hati mendengar beliau itu berucap tadi bahawa dia telah sedar tentang merbahaya-nya, jikalau di-lambat lagi keadaan perbedzaan yang besar di-antara orang² yang miskin dan orang² yang kaya. Ini juga telah di-sebutkan oleh kita dalam sidang Dewan ini pada bulan Disember yang lalu. Saya rasa lebeh banyak orang² di-sini yang faham saperti Ahli Yang Berhormat di-sana, lebeh lekas angin perubahan di-Singapura itu di-sedut oleh ra'ayat di-Malaya

Mr Speaker: Panjang lagi?

Enche' Othman bin Wok: Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Mr Speaker: Masa sudah sampai. Meshuarat ini akan di-tangguhkan pada pukul 9.30 pagi besok.

Adjourned at 7.30 p.m.